

SULIT

NAMA :

TINGKATAN :

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018

BAHASA MELAYU KERTAS 2

(DAERAH TANGKAK)

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

Ogos

2 ½ jam

Dua jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Lihat sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faedah bersukan** dan **cabaran yang dihadapi untuk memajukan sukan negara**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan ataupun untuk mengisi masa lapang dan beriadah. Contoh aktiviti sukan yang agak popular pada masa ini ialah olahraga, renang, bola sepak, tenis, badminton dan squash.

Inisiatif untuk memupuk minat masyarakat terhadap kegiatan bersukan ini harus bermula dari bangku sekolah lagi. Khususnya dari peringkat remaja. Ibu bapa turut bertanggungjawab dalam usaha membentuk peribadi anak yang bersukan sejak dari *peringkat awal* lagi. Ibu bapa juga perlu mendorong dan menggalakkan anak mereka dengan cara membeli peralatan sukan yang diminati anak, memberikan sokongan moral dengan menghantar anak-anak mereka ke tempat latihan dan membelikan anak-anak majalah sukan.

Banyak faedah yang diperoleh remaja sekiranya mereka aktif bersukan. Faedah bersukan yang utama ialah dapat mendisiplinkan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang ingin berjaya dalam bidang sukan mesti mempunyai disiplin yang tinggi dan dapat mengawal diri untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sukan juga penting bagi melahirkan remaja yang sihat, sama ada dari segi fizikal ataupun mental. Dengan kegiatan bersukan, remaja boleh membina tubuh badan yang sihat, cergas dan menarik.

Kegiatan bersukan bukan sahaja baik untuk kesihatan malah sesuai dijadikan hobi dan boleh dilakukan dengan kawan atau keluarga pada setiap pagi, petang atau hujung minggu. Dengan mengisi masa lapang, kegiatan sukan dapat meningkatkan tahap kesihatan diri, malah mengelakkan diri daripada membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah. Bukan itu sahaja, remaja juga dapat menghindari masalah sosial yang kian meruncing belakangan ini. Seterusnya, kegiatan bersukan penting untuk menyemai semangat permuafakatan dan kesukanan dalam kalangan remaja yang berbeza latar belakang.

Dewasa ini kita dapat menyaksikan banyak orang yang telah menceburi bidang sukan pilihan mereka untuk dijadikan platform membina kerjaya. Sukan bukan sekadar riadah semata-mata kerana sukan juga merupakan bidang yang mampu menjana pulangan yang lumayan. Hal ini dapat dicapai sekiranya sukan diceburi secara serius. Sebenarnya sukan merupakan saluran paling berkesan bagi menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Dalam acara sukan, atlet yang terdiri daripada pelbagai kaum bekerjasama untuk mencapai satu matlamat, iaitu kejayaan kepada pasukan, negeri atau negara yang diwakilinya.

Walaupun terdapat segelintir remaja yang tidak meminati sukan dan tidak melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum, usaha untuk menarik minat golongan ini haruslah kekal berterusan, bak kata pepatah, “genggam bara api biar sampai jadi arang”. Jadikanlah kegiatan bersukan itu sebahagian daripada kehidupan kita.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘Remaja Aktif Bersukan, Norsuhaila Ibrahim, Majalah Dewan Siswa, April 2017)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *peringkat awal* berdasarkan petikan .
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa usaha ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti sukan.
Nyatakan usaha-usaha tersebut.
[3 markah]
- (iii) Andaikan anda sebagai atlet sukan sekolah dan bergiat aktif dalam sukan bola sepak, bagaimanakah caranya untuk anda meningkatkan lagi kebolehan anda dalam bidang sukan tersebut.
Kemukakan pendapat anda.
[4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tapi dia degil. Hatinya seteguh karang di lautan, sekeras sinar berkedudukan 90 darjah tepat.

Babah dan ibu marah. Dendam yang bertakung sekian lama di dalam tasik hati mencair dalam detik memenuhi yang singkat. Aiman dirotan. Ibu mengemukakan bantahan dan protes dalam hati.

Sepanjang minggu, murid bernama Aiman Aqil ponteng kelas, protes kepada lebam-lebam di pinggul. Kenangan sudah tercantas, tapi masih belum terurai dan terungkai.

Spontan, dia mengambil kesempatan itu untuk mewujudkan suasana halusinasi futuristik yang penuh cabaran, disaluti persaingan kompetitif yang menyengat hebat.

Betapa tidak, dia membayangkan dirinya sudah lulus pengajian tinggi, dapat ijazah pertama dalam bidang aeroangkasa. Takah usia dianjukkan lebih sedekad ke hadapan. Sebatang pohon nyiur dara di penjuru banglonya, sudah sekian lama menjadi idamannya.

Pijakan kakinya di bumi sudah utuh dan kukuh. Cengkaman pada batang pokok kelapa itu turut tersentuh. Dia tidak menoleh ke bawah lagi. Tapak demi tapak tercengkam dengan penuh yakin. Sedar-sedar sahaja, dia sudah sampai di puncak.

Dipetik daripada cerpen ‘Hipertensi’
Manusia” oleh Illias Zaidi dalam
Antologi Sejadah Rindu.

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan perkara-perkara yang dibayangi oleh Aiman Aqil.

[2 markah]

- (ii) Perasaan dendam dalam diri boleh mendatangkan banyak keburukan kepada diri seseorang.

Sekiranya anda mempunyai rakan yang mengalami perasaan dendam, bagaimanakah anda membantu rakan anda itu?

[3 markah]

- (iii) Berdasarkan petikan cerpen di atas, huraikan **satu nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam petikan tersebut dan **satu nilai kemanusiaan lain** daripada keseluruhan cerpen.

[4 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya *berkisah orang kaya-kaya* dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadalah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu?”

Maka baginda pun marah sedikit akan Temenggung. Maka baginda pun menyuruh memanggil Laksamana, Laksamana pun segera datang lalu duduk menyembah.

Maka titah baginda, “Hai kekasihku Laksamana datanglah bala ke atas negeriku dan banyaklah orang aku kecurian; masing-masing mengadukan halnya pada kita.”

(Dipetik daripada prosa “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka).

- i) Berikan maksud rangkai kata *berkisah orang kaya-kaya*.
[2 markah]
- ii) Berdasarkan petikan di atas apakah yang berlaku di negeri Tuanku Syah Alam?
[3 markah]
- iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan masalah kecurian di tempat tinggal anda daripada berleluasa ?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi
Malam sepi
Bagai kalung
Yang melingkari leherku
Tidak berubah keesokan hari
Siapa yang akan menjengukku
Keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
Kehijauan rumput
Hanya menjadi bayangan
Di penjuru ruang zaman
Cinta dalam rahim dilupai
Dari sulung ditendang ke bongsu
Dari angh ditendang ke sulung balik
Kucari erti hidup
Menderita mengerang sakit
Berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
Tiada makna
Anakku bakaku
Baik setia mahupun derhaka
Semoga disirami benih keinsafan
Menjadi penawar dalam hati
Embun cinta atasi angin dingin
Jangan terpegun
Ada yang mati
Ada yang hidup
Tiada yang kekal kecuali tuhan.

*Teo Wei Sing
Antologi Sejadah Rindu*

- (i) Apakah yang dialami 'aku' dalam sajak di atas ?
[2 *markah*]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah terdapat segelintir anak-anak yang jarang - jarang menziarahi ibu bapa mereka?
[3 *markah*]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang dapat diperoleh daripada sajak di atas.
[4 *markah*]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis **satu ayat** bagi setiap kata di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataanitu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) pesan
- (ii) memesan
- (iii) berpesan
- (iv) lipat
- (v) melipat
- (vi) berlipat

[6 markah]

(a) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian anda dikehendaki menggabungkan ayat-ayat berikut menjadi **tiga** ayat.

Malaysia menjadi destinasi tarikan pelancong. Malaysia mempunyai beberapa buah pulau yang indah. Kerajaan telah berusaha dengan gigih untuk mempromosikan Malaysia. Kerajaan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia. Kerajaan Malaysia juga menganjurkan pertandingan sukan bertaraf antarabangsa. Banyak pelancong datang ke Malaysia.

[6 markah]

(b) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kami bersepakat untuk mengisi perut yang kosong di restoran nasi kandar kapitan yang sangat popular itu sebelum memulai lawatan ke Pulau Pinang.
- (ii) Gelandangan yang berpakaian compang camping itu menarik pemerhatian orang ramai yang berada di situ.
- (iii) Rakyat Malaysia ternyata kurang senam dan beriadah, sayogia hanya 25 peratus sahaja yang terbabit dalam aktiviti tersebut.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Ibu merebus sup ayam selama berapa-berapa jam sebelum dihidangkan di atas meja.
- (ii) Demonstrasi jalanan itu benar-benar telah mengotorkan imej negara ke kalangan pelancong asing yang mengunjungi kawasan tersebut.
- (iii) Semua pelajar digalakkan menonton sesawang laman Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan maklumat tentang kemasukan ke universiti.

[6 markah]

(e) *Nyatakan maksud bagi peribahasa yang diberikan di bawah.*

- (i) Bagai itik pulang petang
- (ii) Buangkan yang keruh, ambil yang jernih.
- (iii) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan Raya* Karya Ruhaini Matdarin
- (iii) *Pantai Kasih* Karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* Karya Dayang Noor
- (v) *Tirani* Karya Beb Sabariah
- (vi) *Songket Berbenang Emas* Karya Khairuddin Ayip
- (vii) *Bimasakti Menari* Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Perkembangan cerita sesebuah novel turut dibantu watak sampingannya. Jelaskan **dua perwatakan** watak sampingan dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

NOVEL	WATAK SAMPINGAN
Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor	Azraai
Silir Daksina karya Md Nizar Parman	See Hwa

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, huraikan **satu** pandangan anda terhadap pengakhiran peristiwa yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT